

Ruj. Tuan : MMA 1031/8
Ruj. Kami : LHDN.AG.600-16/1/70
Tarikh : 12 Jun 2026

Setiausaha Agong Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia,
Tingkat 4, MMA House,
No.124 Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur.
[u.p: Dr. Vasu Pillai Letchumanan]

Tuan,



**PERMOHONAN PENGESAHAN BERHUBUNG PERBELANJAAN YURAN
MENDUDUKI PEPERIKSAAN PAKAR PERUBATAN DIBENARKAN SEBAGAI
POTONGAN PELEPASAN CUKAI DI BAWAH PERENGGAN 46(1)(f) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967.**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat pejabat ini bertarikh 5 Mei 2026
berhubung perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Perenggan 6 surat bertarikh 5 Mei 2026 adalah merujuk kepada yuran menduduki peperiksaan perubatan oleh pakar perubatan yang dibayar untuk meningkatkan kemahiran dan memajukan diri dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council) yang merupakan badan pengawal selia profesion perubatan di Malaysia.
3. Sehubungan itu, perbelanjaan yuran menduduki peperiksaan ini layak sebagai potongan cukai tertakluk kepada amaun maksimum RM2,000 dan merupakan sebahagian daripada jumlah maksimum tuntutan yuran bidang pengajian yang dibenarkan berjumlah RM7,000 bagi setiap tahun taksiran.
4. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



[ROSNITA BINTI AHMAD]

Ketua Pegawai Dasar Percukaian

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.